

1981

KUALA LUMPUR, 14 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BANDAR BUKAN SAHAJA HARUS MENJADI MANIFESTASI KEKAYAAN MATERIAL DAN KEROHANIAN MASYARAKAT TETAPI JUGA MELAMBAHKAN MASYARAKAT YANG BERHEMAH DAN BERKEPERIBADIAN TINGGI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN JUGA MAHUKAN SUASANA BANDAR DENGAN ASAS EKONOMI, SOSIAL DAN BUDAYA AKAN MEMBANTU MEMUPUK MASYARAKAT YANG MEMPUNYAI AKHLAK YANG BAIK SERTA BERDISIPLIN.

+BANDAR-BANDAR DI NEGARA KITA BUKAN SAHAJA HARUS MENJADI PUSAT KEGIATAN EKONOMI YANG PELUANGNYA TERBUKA KEPADA SEMUA KAUM UNTUK Mencari NAFKAH DAN MENDAFAT PENGALAMAN TETAPI JUGA UNTUK MENINGKATKAN INTERAKSI DAN PERGAULAN YANG MENJADI ASAS YANG KUKUH BAGI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN MEMUPUK PERPADUAN DI KALANGAN ANGGOTA MASYARAKAT, -- TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENJELASKAN TUJUAN KERAJAAN IALAH UNTUK MEWUJUDKAN SUASANA BANDAR YANG MENJADI PENGGERAK KEPADA PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN PERIBADI RAKYAT DI NEGARA INI SEJAJAR DENGAN PRINSIP-PRINSIP RUKUNEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DI UPACARA MELETAKKAN BATU ASAS PROJEK DAYA BUMI - SEBUAH PROJEK UDA YANG TERLETAK DI KAWASAN PERDAGANGAN BANDARAYA YANG AKAN MENJADI MERCUTANDA DI BANDARAYA INI APABILA SIAPADALAM MASA 30 BULAN. -- BERSAMBUNG 1305/MK

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MAHUKAN BANDAR YANG BOLEH MENYEDIAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN YANG SESUAI SERTA SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN KEPERIBADIAN INDIVIDU YANG DIINGINKAN.

KATANYA, KEMUDAHAN-KEMUDAHAN REKREASI, KAWASAN-KAWASAN LAPANG DAN BERBAGAI LAGI KEMUDAHAN YANG DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN BERBAGAI GOLONGAN DAN LAPISAN MASYARAKAT HARUSLAH MENJADI CIRI-CIRI SESEBUAH BANDAR.

+KALAU BOLEH APABILA DISEBUT SAHAJA PERKATAAN BANDAR, IA MENGGAMBARAKAN TENTANG KEBERSIHANNYA, PENGHUNINYA YANG MESRA, BERDISIPLIN DAN LAIN-LAIN CIRI YANG BAHAGIAN. + TAMBAH BELIAU.

BANDAR SEHARUSNYA MENGGAMBARAKAN UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN NEGARA DAN MENJADI TEMPAT KEHIDUPAN YANG TERSUSUN DAN TERATUR YANG MEMBAWA ERTI KEPADA KEMULIAAN MANUSIA SEBAGAI INSAN YANG BERFIKIR DAN TAHU NILAI-NILAI YANG TINGGI DAN BAHAGIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT ALAM PERSEKITARAN YANG TIDAK SEGAR DAN TIDAK TERATUR BUKAN SAHAJA MELEMAHKAN DAYA PENGELUARAN SESUATU MASYARAKAT TETAPI JUGA MEMBANTU MENAMBAHKAN LAGI PENYAKIT-PENYAKIT SOSIAL SEPERTI PENYALAHGUNAAN DADAH DAN KEBEBASAN YANG BOLEH MEMBAWA KEPADA KERUNTUHAN MORAL. -- BERSAMBUNG 1350/MK

146

146

B532

MAHATHIR - DAYABUMI 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGASKAN PEMBANGUNAN BANDAR SECARA TERANCANG ADALAH SATU ASPEK YANG AMAT PENTING DALAM PROGRAM PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT DAN OLEH YANG DEMIKIAN PEMBANGUNAN BANDAR HARUS MENGAMBIL KIRA LAIN-LAIN ASPEK DI SAMPING ASPEK EKONOMI DAN FISIKAL.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MENYERU PERANCANG BANDAR, ARKITEK-ARKITEK, PARA PEMAJU PERUMAHAN DAN AHLI-AHLI SOSIO-EKONOMI BERGANDING BAHU DAN BERSATU TENAGA UNTUK MENCIPTA REKABENTUK BANGUNAN DAN PERSEKITARAN YANG BERLANDASKAN KEPADA ASPIRASI KEBANGSAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN SEGALA KEGIATAN INI MESTILAH MENDATANGKAN FAEDAH YANG MENYELURUH KEPADA MASYARAKAT DENGAN MENYEDIAKAN PELUANG BAGI PERKEMBANGAN DAN PENYERTAAN RAKYAT BERBILANG KAUM DALAM BIDANG EKONOMI LEBIH-LEBIH LAGI COLONGAN YANG MUNDUR DALAM LAPANGAN INI.

PERDANA MENTERI TIDAK MAHU BANDAR MENJADI +PARASITO+ KEPADA PERSEKITARANNYA MEMANDANGKAN PERUBAHAN YANG BERLAKU DI BANDAR DIRASAI OLEH PERSEKITARANNYA DAN DEMIKIAN PULA PERSEKITARAN SESEBUAH BANDAR MEMPENGARUHI SESEBUAH BANDAR ITU.

+BANDAR BUKAN SAHAJA SENTIASA MELALUI PROSES PENYESUAIAN DENGAN PERUBAHAN PERSEKITARAN TETAPI JUGA MENCORAK DAN MEMBENTUK PERSEKITARAN,+ TAMBAH BELIAU. -- BERSAMBUNG 1355/MK

B536

MAHATHIR-DAYABUMI 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAGAI PUSAT SEGALA KEGIATAN BUDAYA DAN SOSIO-EKONOMI, SESEBUAH BANDAR DENGAN SENDIRINYA PULA MENJADI DAYA PENARIK BAGI PENGHIJRAHAN DARI LUAR BANDAR KE BANDAR.

KATANYA, DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT, PERTUS PENDUDUK MALAYSIA YANG TINGGAL DI KAWASAN LUAR BANDAR DIJANGKA AKAN BERKURANGAN DARI 65 PERATUS KEPADA 62 PERATUS MANAKALA PERATUSAN PENDUDUK DI BANDAR PULA DIJANGKA BERTAMBAH DARIPADA 35 PERATUS TAHUN LALU KEPADA 38 PERATUS DALAM TAHUN 1985.

BELIAU MENGAKUI PENGHIJRAHAN MERUPAKAN BEBANAN DAN TEKANAN KEPADA PENTADBIRAN DAN PERANCANGAN BAGI MENGADAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN BAGI KEPERLUAN MASYARAKAT BANDAR.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA DENGAN KERJASAMA MASYARAKAT UNTUK MENGATASINYA KERANA DISEBALIK MASALAH-MASALAH ITU, PENGHIJRAHAN MERUPAKAN SATU FAKTOR POSITIF KE ARAH PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT.

KATANYA, USAHA-USAHA TELAH DIBUAT UNTUK MEMBANGUNKAN BANDAR-BANDAR BARU DI KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR DAN KAWASAN-KAWASAN PEMBANGUNAN WILAYAH BAGI MENGIMBANGKAN PERKEMBANGAN BANDAR DAN LUAR BANDAR

BELIAU YAKIN DENGAN CARA INI TEKANAN KE ATAS BANDAR-BANDAR BESAR AKAN BERKURANGAN DAN MEMBOLEHKAN PEMBANGUNAN BANDAR DIRANCANG DENGAN LEBIH KEMAS DAN TERSUSUN. --BERSAMBUNG 1422/HM

B537

MAHATHIR-DAYABUMI 5 KUALA LUMPUR

(14)

MENGENAI PROJEK DAYABUMI, PERDANA MENTERI MENSIFATKANNYA SEBAGAI SATU BANGUNAN YANG BOLEH MENJADI CONTOH KEPADA LAIN-LAIN ARKITEK DI NEGARA INI BAHAWA BANGUNAN MODEN TIDAK SEMESTINYA MERUPAKAN KOTAK YANG CUMA +FUNCTIONAL+ TETAPI TIDAK MEMPUNYAI NILAI AESTHETHIC.

KATANYA, REKABENTUK PROJEK ITU TELAH DIGUBAL BEBERAPA KALI KERANA HASRAT KERAJAAN UNTUK MEMASUKKAN UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN NEGARA DALAM BANGUNAN YANG MODEN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SATU KEISTIMEWAAN PROJEK TERSEBUT IALAH PERCUBAAN MEMPERCEPATKAN PROSES MENDIRIKAN BANGUNAN DAN BERHARAP DENGAN SIAPNYA PROJEK ITU IA AKAN MERUPAKAN SATU BABAK BARU DALAM SEJARAH PEMBINAAN BANGUNAN DI NEGARA INI.

DI AKHIR UPACARA, BELIAU MEMASUKKAN SATU KAPSUL MASA' KE DALAM BATU ASAS PROJEK ITU YANG KEMUDIANNYA DIMETRIKAN DENGAN SIMEN.

KAPSUL MASA ITU MENGANDUNGI MICRO-FILM YANG TERKANDUNG DALAMNYA AKHBAR-AKHBAR HARIAN KELUARAN HARI INI, KERTAS JEMAAH UDA, PELAN BANGUNAN DAYABUMI, AKTA UDA, GAMBAR-GAMBAR MODEL PROJEK DAYABUMI, BUKU CENDERAMATA DAN KAD JEMPUTAN SERTA WANG KERTAS DAN SYILING.---BERNAMA 1426/HM

(147)